

17/03/2000

Ahli perniagaan tidak serius disenarai hitam

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Khamis - Kerajaan mungkin menyenaraihitamkan ahli perniagaan yang tidak serius ketika menyertai rombongan perdagangan Perdana Menteri ke luar negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak berhak mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak komited ketika menyertai rombongan perdagangan, tetapi mungkin tidak membenarkan mereka menyertainya pada masa depan.

Beliau berkata, dalam lawatan ke luar negara, pelbagai program diatur untuk ahli rombongan perniagaan bagi menjalin hubungan ekonomi yang lebih baik dengan ahli perniagaan negara yang dilawati.

"Saya rasa amat sedih kerana saya memang jemput ramai sertai rombongan kerana mahu adakan hubungan ekonomi yang baik dengan Indonesia.

"Tetapi saya dimaklumkan ada yang tidak hadir perjumpaan yang disusun, sebaliknya main golf dan menyanyi di lounge karaoke. Ini bukan tujuannya (menyertai rombongan), kalau nak buat kerja macam itu tak usah ikut saya.

"Kita tak boleh ambil tindakan. Bukan hak kita untuk ambil tindakan ... lain kali tak usah datang dan mungkin disenaraihitam," katanya pada majlis rumah terbuka Aidiladha, di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin bahawa ada ahli perniagaan Malaysia tidak serius ketika mengikuti rombongan Dr Mahathir ke Indonesia, baru-baru ini.

Daim mengkritik sikap mereka sehingga gagal menghadiri perjumpaan perniagaan dengan ahli perniagaan Indonesia.

Menurut Daim, sebilangan besar ahli perniagaan terbabit lebih gemar bermain golf dan berkaraoke daripada menjalankan urusan perniagaan secara serius.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), Tan Sri Tajudin Ramli, pula kelmarin berkata ahli perniagaan seumpama itu tidak perlu lagi menyertai rombongan Perdana Menteri pada masa depan.

Sementara itu, di Sungai Petani, Daim mengulangi peringatan kepada ahli perniagaan supaya lebih komited terhadap tugas jika ingin mengikuti rombongan ke luar negara.

Beliau meminta mereka sentiasa bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas, sekali gus memelihara nama baik negara daripada perspektif masyarakat antarabangsa, terutama ahli perniagaan asing yang bersungguh-sungguh ingin memperoleh pelaburan daripada ahli perniagaan Malaysia.

"Cuma kita nak kata, kalau nak berniaga, kena serius.

"Kalau ke luar negeri, jaga nama baik diri sendiri dan jaga nama baik negara serta pemimpin. Keutamaan mesti betul. Bila masa perjumpaan, adakan perjumpaan.

"Buat kerja dulu, bila habis kerja, kalau nak berehat, berehatlah. Kalau nak berehat saja, tak usah pergi berniaga," katanya selepas menyampaikan daging korban kepada penduduk Kampung Bukit Selambau di rumah Ketua Umno Bahagian Merbok, Azmi Hamid, di Bukit Selambau, dekat sini hari ini.

Bagaimanapun, Daim berkata, Kementerian Kewangan tidak bercadang memperketatkan pemilihan ahli perniagaan yang ingin mengikuti rombongan perdagangan ke luar negara.

(END)